

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SEGAMBUT)**

TARIKH : 29 NOVEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN [SEGAMBUT] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan dengan terperinci jumlah dan peratusan ibu (berkahwin dengan warga asing) yang mendapat kewarganegaraan untuk anak mereka yang dilahirkan di luar negara berbanding jumlah permohonan dan peratusan golongan bapa mengikut pecahan negeri, bangsa dan agama bermula tahun 2010 hingga sekarang.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi pemohon ibu warganegara yang berkahwin dengan bapa bukan warganegara memohon kewarganegaraan untuk anaknya yang lahir di **Singapura** boleh memohon pengesahan taraf kewarganegaraan di bawah **Perkara 14(1)(b) Bahagian II Jadual Kedua Seksyen 1(d)**, Perlembagaan Persekutuan. Manakala bagi anaknya yang lahir di luar negara **selain Singapura**, pemohon ibu bertaraf warganegara tersebut boleh memohon kewarganegaraan untuk anaknya di bawah **Perkara 15(2)**, Perlembagaan Persekutuan.

Bagi pemohon bapa warganegara memohon kewarganegaraan untuk anaknya yang lahir di luar negara boleh memohon pengesahan taraf kewarganegaraan di bawah **Perkara 14(1)(b) Bahagian II Jadual Kedua Seksyen 1(b), (c) dan (d)**, Perlembagaan Persekutuan.

Berdasarkan rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dari tahun 2010 hingga 11 Oktober 2021, sebanyak **7,515** permohonan kewarganegaraan yang didaftarkan di bawah **Perkara 14(1)(b) Bahagian II Jadual Kedua Seksyen 1(d)** dan **Perkara 15(2)** Perlembagaan Persekutuan bagi pemohon ibu seorang warganegara, bapa bukan warganegara dan anaknya dilahirkan di luar negara. Daripada jumlah berkenaan, sebanyak **1,974** atau **26.3%** subjek telah dianugerahkan kewarganegaraan.

SOALAN : 21

Manakala bagi tempoh yang sama, sebanyak **6,611** permohonan kewarganegaraan yang didaftarkan di bawah **Perkara 14(1)(b) Bahagian II Jadual Kedua Seksyen 1(b), (c) dan (d)** bagi pemohon bapa seorang warganegara dan anaknya dilahirkan di luar negara. Daripada jumlah berkenaan, sebanyak **4,218** atau **63.8%** subjek telah dianugerahkan kewarganegaraan.

Statistik terperinci mengikut pecahan negeri, bangsa dan agama bagi tempoh berkenaan adalah seperti berikut: